

**SALUTASI**

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK SIR CORNER DAN PENYERAHAN BANTUAN AWAL  
PENGAJIAN (BAP) YAYASAN BANK RAKYAT  
27 JANUARI 2023 (JUMAAT)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.**

**Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

**Yang Berusaha Profesor Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani**  
Ketua Pegawai Maklumat

**Puan Siti Saluwa Binti Jamal**  
Timbalan Ketua Pustakawan

**Encik Syaiful Rizal Bin Abdul Ghani**  
Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat

**Tuan Haji Burhanuddin Bin Md Radzi**  
Pengarah Urusan Les Copaque Production Sdn. Bhd.

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Staf, Pelajar, Hadirin Dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Wbt Dan Salam Sejahtera,

Salam UTeM ku Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan.

**TEKS UCAPAN**

**YBRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PERASMIAN**

**SERAMBI ILMU RAKYAT (SIR) CORNER DAN PENYERAHAN  
BANTUAN AWAL PENGAJIAN (BAP) YAYASAN BANK RAKYAT**

**27 Januari 2023 (Jumaat) | 4.00 Petang**

**Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk**

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran


1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita sama-sama berkumpul pada petang yang indah ini bersempena Majlis Perasmian Serambi Ilmu Rakyat (*SIR*) Corner dan Penyampaian Bantuan Awal Pengajian (BAP) oleh Yayasan Bank Rakyat.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Yayasan Bank Rakyat dan Les Copaque Production kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menjayakan majlis pada hari ini.
  
3. Tidak terlambat juga untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 kepada semua. Saya berdoa semoga tahun ini kekal menghadirkan sinar baharu dalam memulihkan semula kehidupan kita semua setelah melalui tahun pertama pemulihan dari pandemik yang panjang. Aamin.

**Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,**

4. Penganjuran Majlis Perasmian Serambi Ilmu Rakyat (*SIR*)  
*Corner* dan Penyampaian Bantuan Awal Pengajian (BAP) pada petang ini adalah sebagai simbolik penyerahan sumbangan kemudahan *SIR Corner* dan Bantuan Awal Pengajian oleh Yayasan Bank Rakyat (YBR) kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
5. Untuk makluman semua, pihak Yayasan Bank Rakyat (YBR) telah membuat satu inisiatif perpustakaan digital Bank Rakyat yang dikenali sebagai Serambi Ilmu Rakyat (*SIR*)

*Corner* kepada pelbagai institusi pendidikan mengikut kelompok sasar termasuk 20 universiti awam selain sekolah dan kolej vokasional.


- 
6. Alhamdulillah, Perpustakaan Laman Hikmah merupakan perpustakaan universiti awam yang ke lima (5) menerima sumbangan *SIR Corner* daripada Yayasan Bank Rakyat yang bernilai RM 15,000.00 berupa sebuah meja dan 2 unit kerusi, 2 unit komputer dan 50 ID Digital beserta keahlian SIR (percuma selama setahun).

7. Melalui *SIR Corner* ini warga UTeM boleh mengakses 100,000 koleksi digital melalui 7 pangkalan data seperti *Emerald*, *Overdrive*, *BLIS*, *e-Law*, *e-Newspaper*, *RAM Rating* dan *Pressreader* yang dilanggan oleh Yayasan Bank Rakyat.
8. InsyaAllah, sumbangan *SIR Corner* ini akan menjadi sebahagian daripada sumber maklumat yang amat bermakna kepada warga UTeM seterusnya membantu meningkatkan lagi statistik kunjungan maya Perpustakaan Laman Hikmah dari semasa ke semasa.


**Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,**

9. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat prihatin dan sentiasa mengambil berat akan kebajikan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Pada akhir tahun 2022, kerajaan telah melaksanakan Program Dermasiswa B40 TVET, khusus untuk pelajar dari kumpulan B40 yang mengikuti pengajian dalam bidang TVET. Program ini dirangka melalui model dermasiswa yang bertujuan untuk mewujudkan ekosistem pengajian yang kondusif kepada para pelajar B40. Pelaksanaan program ini akan dapat memastikan pelajar dapat menyempurnakan pengajian tanpa perlu memikirkan

bebanan kewangan untuk menampung yuran pengajian dan kos sara hidup.

- 
10. Pihak Universiti juga dari semasa ke semasa turut melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu 64% pelajar kumpulan B40 di UTeM seperti Menu Keluarga UTeM, Sumbangan Kebajikan dan lain-lain lagi.
11. Alhamdulillah, usaha tersebut turut mendapat sokongan daripada pihak industri seperti Yayasan Bank Rakyat yang menyediakan peruntukan **Bantuan Awal Pengajian (BAP)**

kepada pelajar IPTA daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

- 
12. Dalam program ini, pihak Yayasan Bank Rakyat telah bermurah hati untuk memberikan sumbangan Bantuan Awal Pengajian secara “one off” berjumlah RM 100,000.00 kepada 100 orang pelajar UTeM dengan pemberian RM1,000.00 setiap seorang yang terdiri daripada keluarga yang kurang berkemampuan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pihak Yayasan Bank Rakyat. Semoga dengan sumbangan BAP

tersebut akan dapat mengurangkan sedikit bebanan kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa dan pelajar dalam meneruskan pengajian mereka di UTeM.

**Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,**

13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi bagi pihak UTeM ingin mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Yayasan Bank Rakyat di atas sumbangan yang telah diberikan dan akan dimanfatkan sebaiknya oleh seluruh warga universiti.

14. Turut dipanjangkan ucapan terima kasih kepada pihak Les Copaque Production di atas buku yang telah disumbangkan.

15. Dengan lafaz mulia Bismilah Hirahman Nirahim saya dengan ini merasmikan Serambi Ilmu Rakyat (SIR) Corner @ UTeM, Perpustakaan Laman Hikmah.



Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wbt.  
Terima kasih.